

**Kerajaan Sedia Persekitaran Kompetitif Untuk Sektor Swasta  
Bernama  
24 Oktober, 2012**

KUALA LUMPUR, 24 Okt (Bernama) -- Kerajaan akan mewujudkan persekitaran yang lebih kompetitif untuk sektor swasta berkembang maju menerusi liberalisasi dan pembatalan kawal selia bagi membolehkan mereka menjadi enjin pertumbuhan baharu.

Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata kerajaan melabur dan menggalakkan industri pertumbuhan tinggi, yang akan menyediakan peluang ketara untuk penyertaan sektor swasta dalam pembangunan.

"Kerajaan menyediakan banyak inisiatif bagi memastikan kita berada pada kedudukan yang betul, menerusi pelbagai dasar mesra perniagaan yang diperkenalkan dan dilaksanakan.

"Usahawan akan dibantu menerusi langkah berani bagi mentransformasikan ekonomi kita, yang seterusnya akan memastikan kita lebih menarik dan menjadi destinasi pelaburan pilihan," katanya dalam ucapan pada Anugerah Kecemerlangan Industri (AKI) ke-21 di sini.

Dengan hanya beberapa pengecualian, rakyat asing mempunyai akses bebas kepada kebanyakan sektor dalam ekonomi Malaysia.

"Jika anda seorang usahawan dan jika anda dapat bersaing dengan jayanya dengan rakan anda, tempatan dan asing, anda boleh mengatakan anda sudah berjaya," katanya.

Pentingnya untuk bertindak sekarang lebih mendesak berikutan kedudukan ekonomi dunia semasa, kata Muhyiddin.

"Bagi memastikan pertumbuhan mampan dalam persekitaran yang sangat kompetitif, Malaysia perlu menanam semangat keusahawanan dalam kalangan rakyatnya untuk terus berada di hadapan dalam persaingan. Kita perlu terus menyemarakkan pertumbuhan," katanya.

Mengenai anugerah itu, Muhyiddin berkata prestasi syarikat AKI sangat baik di pasaran domestik dan antarabangsa berikutan kualiti produk dan perkhidmatan yang hebat.

Sementara itu, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata program AKI dilancarkan oleh kerajaan sebagai memperakui syarikat yang telah menunjukkan keupayaan bersaing yang hebat.

"Tema "Persaingan, Tersediri dan Inovatif" mencerminkan kedinamikan persekitaran perniagaan hari ini dan menekankan faktor kritikal kepada kejayaan korporat dalam pasaran yang sangat kompetitif hari ini," katanya dalam ucapan pada majlis yang sama.

Anugerah AKI memperakui sektor swasta yang menunjukkan kecemerlangan prestasi eksport, pengurusan kualiti, penjenamaan dan perkhidmatan.

Antara pemenang anugerah AKI ialah ViTrox Technologies, yang memenangi Anugerah Kecemerlangan Perdana Menteri, BioFact Life Sdn Bhd memenangi kategori Anugerah Kecemerlangan Produk, manakala Anugerah Khas Produk Inovatif di menangi oleh DNA Laboratories Sdn Bhd dan Alpha Electris Co Sdn Bhd.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=704669>